

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Penggunaan *Guidelines for Evaluation of Criteria: Institutional Quality Audit Framework (IQAF) Edisi 2026*

[Surat Pekeliling MQA Bil. 6/2026 bertarikh 28 April 2026]

Ringkasan ketetapan

- i. Selaras dengan penggunaan Kerangka Kualiti Audit Institusi (*Institutional Quality Audit Framework, IQAF*) bertarikh 17 Disember 2025, MQA telah membangunkan dokumen *Guidelines for Evaluation of Criteria: Institutional Quality Audit Framework (IQAF) Edisi 2026* sebagai panduan kepada PPT, Ahli Panel Penilai (APP), unit jaminan kualiti dalaman dan pegawai MQA dalam pelaksanaan penilaian kualiti berasaskan institusi termasuk penilaian bagi tujuan penganugerahan status swaakreditasi.
- ii. Garis panduan ini dibangunkan selaras dengan keperluan IQAF yang memperincikan perkara berikut:
 - a. Kriteria dan standard bagi lima bidang penilaian seperti yang ditetapkan dalam *Section 2: Criteria and Standards for Higher Education Providers, IQAF Edisi 2026*;
 - b. Penetapan skor berdasarkan skala lima mata tahap pencapaian (*Attainment Levels, AL*) dan petunjuk atau deskriptor bagi setiap AL tersebut; dan
 - c. Panduan dalam menentukan syor atau keputusan bagi permohonan baharu dan pematuhan status swaakreditasi.
- iii. Garis panduan hendaklah dibaca Bersama IQAF Edisi 2026, *Malaysian Qualifications Framework (MQF) Edisi Kedua (2024)*, beserta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi semasa yang berkuat kuasa.
- iv. Pelaksanaan penilaian adalah tertakluk kepada penggunaan garis panduan ini seperti ketetapan berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	02.05.2026	Penilaian terhadap permohonan baharu status swaakreditasi.

2.	02.05.2026 - 01.05.2027	Tempoh transisi bagi penilaian pematuhan status swaakreditasi.
3.	02.05.2027	Penilaian terhadap pematuhan status swaakreditasi perlu mematuhi sepenuhnya garis panduan ini.

- v. Surat pekeliling ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vi. Pusat Jaminan Kualiti (CQA) perlu memastikan pemakaian garis panduan ini sebagai persediaan UPM menjalani audit pengekalan swaakreditasi kali ketiga pada tahun 2028.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
20 Mei 2026